

## **SKEMA JAWAPAN BM PENULISAN AR3 2017**

### **BAHAGIAN A (Cadangan Jawapan)**

1. Pelbagai kaum mengambil bahagian dalam acara perbarisan Hari Kemerdekaan.
2. Warga sekolah mengibarkan Jalur Gemilang semasa sambutan Hari Kemerdekaan.
3. Bangunan kerajaan, restoran dan kedai-kedai turut mengibarkan bendera Malaysia.
4. Pemandu kereta dan lori bangga mengibarkan bendera Malaysia pada kenderaan mereka.
5. Basikal dan beca turut dihiasi dengan Jalur Gemilang yang pelbagai bentuk dan saiz.

(\* terima mana-mana jawapan yang sesuai)

### **BAHAGIAN B (Cadangan Jawapan)**

Banjir merupakan salah satu bencana alam yang sering melanda beberapa buah negeri di negara kita. Mengetahui beberapa panduan ketika menghadapi banjir dapat membantu bagi mengelakkan kejadian yang tidak diigini. Antaranya, pastikan semua suis utama eletrik, injap utama bekalan air dan gas ditutup. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya litar pintas, kebocoran air dan gas. Seterusnya, mangsa banjir perlu mengikut arahan pihak berkuasa jika diarahkan untuk berpindah. Mangsa banjir hendaklah segera berpindah ke pusat pemindahan. Selain itu, jangan memandu mengharungi air banjir dan menghampiri dawai elektirik yang jatuh ke tanah. Orang dewasa pula jangan biarkan kanak-kanak bermain air banjir kerana boleh mengakibatkan pelbagai jenis penyakit serta boleh mengancam nyawa. Tuntasnya, kita haruslah beringat sebelum kena.

(\* terima mana-mana jawapan yang sesuai)

### **BAHAGIAN C (Cadangan Jawapan)**

#### **Soalan 1**

#### **Pendahuluan**

- dipilih mewakili rumah sukan dalam acara yang digemari
- sangat gembira dan bangga kerana dapat menyertai pertandingan tersebut
- pertandingan yang dijalankan julung kalinya dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat

#### **Isi 1**

- menjalani latihan yang secukupnya di bawah kendalian jurulatih, Encik Jerome Chali, hari yang ditunggu-tunggu akhirnya tiba
- bersemangat dan berkeyakinan untuk memperoleh kemenangan

- sebelum memulakan pertandingan, perbarisan lintas hormat - semua peserta melintasi astaka
- tabik hormat dipersembahkan kepada tetamu kehormat
- menyanyikan lagu Negaraku, Ibu Pertiwiku dan lagu sekolah
- gimik kejohanan oleh murid tahun satu, tahun dua dan tahun tiga
- melafazkan ikrar kejohanan dan diiringi oleh semua ketua rumah sukan
- mendengar ucapan perasmian oleh tetamu kehormat
- larian obor oleh Olahragawan Sekolah

## **Isi 2**

- harapan yang tinggi diletakkan kepada kami oleh guru rumah sukan kerana En Jerome Chali selaku ketua penasihat Rumah Biru ingin mengulangi kejayaan tahun lepas selaku juara bertahan
- sejurus acara bermula, saya yang mengambil acara 100m tahap dua dipanggil oleh juruhebah untuk bersedia di garisan permulaan
- saya berazam untuk memenangi acara ini memandangkan rumah sukan kami telah berlatih bersungguh-sungguh sejak dua bulan yang lalu
- lawan saya dari rumah sukan yang lain tidak kurang hebatnya kerana mereka juga mempunyai potensi dan reputasi yang baik sejak latihan rumah sukan dijalankan
- sebaik sahaja papan pelepas dibunyikan oleh Pegawai Pelepas iaitu Encik Vikram Rampai, saya terus memecut laju tanpa menoleh ke belakang
- teknik larian yang telah dipelajari dari jurulatih telah membantu saya berlari dengan baik dan saya telah sampai terlebih dahulu dari lawan rumah sukan yang lain

## **Isi 3**

- sorakan para penonton yang terdiri daripada guru, ibu-bapa, rakan-rakan sepasukan membuatkan saya bersemangat untuk bertanding dalam acara yang seterusnya
- persaingan semakin hebat, pasukan rumah kami telah ketinggalan dari segi pungutan mata
- guru rumah sukan kami memberi semangat supaya kami memenangi acara seterusnya iaitu acara lontar peluru
- kata-kata semangat itu membuat rakan saya yang mengambil acara itu lebih bersemangat dan berikrar untuk meneruskan perjuangan untuk memenangi acara itu
- berkat usaha yang ditunjukkan oleh peserta rumah sukan kami, pungutan mata dapat ditambahkan lantas terus memotong kedudukan rumah sukan yang lain
- acara demi acara seterusnya terus dikuasai oleh rumah sukan kami

## **Isi 4**

- kami sangat yakin bahawa podium untuk kejuaraan antara rumah sukan akan dimenangi oleh pasukan rumah kami lagi

- penyampaian hadiah untuk setiap acara dijalankan dan kerap kali wakil rumah kami naik podium
- setiap rumah sukan berdebar-debar menunggu keputusan yang bakal diumumkan oleh juruhebah iaitu Encik Noor Nashriq
- semua peserta dari setiap rumah sukan termasuk guru-guru rumah sukan masing-masing menunggu pengumuman itu dan akhirnya rumah sukan saya telah diumumkan sebagai juara keseluruhan
- apabila rumah kami diumumkan sebagai juara, kami pun bersorak kegembiraan

## **Penutup**

- pertandingan berlangsung dengan meriah
- kami berazam untuk memenangi pertandingan sukan antara rumah ini untuk kali ketiga tahun hadapan

(\* terima mana-mana jawapan yang sesuai)

## **Soalan 2**

### **Pendahuluan**

- tajuk laporan
- 4 April 2017 – SK Long Tungan – latihan kebakaran – Unit Hal Ehwal Murid
- memberi pendedahan asas – murid – langkah menghadapi kebakaran di asrama
- melibatkan semua murid asrama seramai 48 orang, iaitu 20 orang murid lelaki dan 28 orang murid perempuan
- aktiviti ini diadakan sekurang-kurangnya 2 hingga 3 kali setahun

### **Isi 1**

- pukul 12 tengah malam, kami dikejutkan dengan bunyi siren yang mendayu-dayu dan asrama diterangi dengan api buatan yang dibuat oleh unit HEM tersebut
- tugas telah diberikan kepada beberapa orang rakan seperti membuka pintu hadapan dan pintu belakang asrama
- ada juga beberapa orang rakan yang ditugaskan untuk mengejutkan rakan yang lain yang tidur
- pada awal sesi persekolahan setiap tahun, kami telah ditaklimatkan secara ringkas tentang cara menyelamatkan diri sekiranya berlaku kebakaran di asrama

## **Isi 2**

- kami disarankan untuk tidak berlari semasa keluar dari asrama
- apabila keluar, kami berbaris dan berjalan menuju ke arah tempat berkumpul
- ada beberapa orang murid tahun 1 yang masih baharu agak sukar untuk dibangunkan dari tidur
- diingatkan untuk meninggalkan segala harta benda apabila berlakunya kebakaran
- contohnya, selimut, selipar, kasut, buku-buku, beg sekolah dan sebagainya

## **Isi 3**

- penyelaras latihan kebakaran sekolah kami iaitu Encik Jeffery dan beberapa orang guru memastikan keadaan di asrama betul-betul selamat yakni, semua murid telah dikejutkan dari tidur dan bergerak menuju ke tempat berkumpul
- setelah selesai berkumpul, PK HEM dan warden asrama memeriksa jumlah murid
- taklimat ringkas diberikan oleh PK HEM tentang betapa pentingnya langkah-langkah keselamatan dipatuhi apabila berlaku kebakaran di asrama
- kebakaran boleh berlaku disebabkan oleh litar pintas

## **Isi 4**

- pada pukul 12.30 pagi, latihan kebakaran berakhir
- murid-murid yang gagal mematuhi peraturan atau langkah-langkah keselamatan diberikan amaran oleh PK HEM supaya sentiasa berwaspada sekiranya berlaku kebakaran di asrama
- murid pulang ke asrama masing-masing dengan tertib
- Unit Hal Ehwal murid mengucapkan terima kasih kepada semua murid dan semua kakitangan sekolah yang terlibat dalam latihan asas kebakaran murid-murid asrama

## **Penutup**

- tandatangan pelapor, nama dan jawatan
- tarikh

(\* terima mana-mana jawapan yang sesuai)